

Ruj Kami: (55) MBPJ/090100/T/M13 Jld 5
Tarikh: 4 Mei 2012

KENYATAAN MEDIA

KEJOHANAN GOALBALL PIALA DATUK BANDAR MBPJ

Pada 4 Mei 2012 Majlis Bandaraya Petaling Jaya akan menganjurkan Kejohanan GoalBall Terbuka Kebangsaan Piala Datuk Bandar MBPJ edisi yang ke-3. Kejohanan yang berlangsung selama 3 hari ini akan diadakan di Dewan D'Kelana, Petaling Jaya dengan penyertaan sebanyak 8 pasukan lelaki dan 3 pasukan wanita dari seluruh Malaysia.

Kejohanan GoalBall ini merupakan salah satu medium yang dapat menggalakkan golongan orang kelainan upaya (OKU) untuk menceburi dalam bidang sukan. Sukan ini juga dapat melatih golongan OKU ini untuk lebih berstamina dan dapat menguatkan daya ketahanan mental dan fizikal mereka.

Sukan Goalball ini merupakan satu sukan yang diilhamkan pada tahun 1946 oleh Hanz Lorenzen dan German Sepp Reindle. Pada tahun 1976, sukan GoalBall ini telah diperkenalkan buat pertama kalinya di Kejohanan Paralimpik yang berlangsung di Toronto Canada.

Kejohanan kali ini merupakan satu platform lain untuk mencungkil bakat-bakat baru disamping memberi peluang kepada golongan OKU untuk mempamerkan bakat dan kemahiran sukan yang ada dalam diri mereka. Bukan itu sahaja, penganjuran kejohanan ini juga dapat menggalakkan golongan OKU untuk mempraktikkan gaya kehidupan yang cergas dan sihat di samping membina hubungan keakraban dalam sebuah komuniti OKU itu sendiri.

Golongan OKU sering kali dipandang sepi oleh sesetengah pihak kerana kekurangan yang mereka miliki. Ini menyebabkan ramai dikalangan OKU ini malu untuk berhadapan dengan masyarakat. Oleh yang demikian, pihak Majlis dengan sendirinya telah mengambil inisiatif untuk golongan OKU ini bergiat dengan lebih aktif melalui penganjuran Kejohanan Goalball Piala Datuk Bandar MBPJ tahun ini.

Sebagai makluman, pada tahun ini juga buat julung-julung kalinya kejohanan Goalball ini dibuka penyertaannya untuk pasukan wanita. Penganjuran Kejohanan pada tahun ini membuktikan bahawa keprihatinan Majlis Bandaraya Petaling Jaya terhadap golongan wanita OKU.

Di sediakan oleh:

**Sekretariat Media
Majlis Bandaraya Petaling Jaya**

Laman web : www.mbpj.gov.my , facebook: Petaling Jaya City Council,
twitter : pjcitycouncil, emel : media@mbpj.gov.my

Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695

Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hubungi :

Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, Puan Zainun bt Zakaria, 019-2239604, zainun@mbpj.gov.my
Penolong Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, En Ahmad Iskandar b. Mohamad Mukhtar,
017-6946884, ahmadiskandar@mbpj.gov.my